

19 JAN 2003

Mahathir-Asia/I

ASIA MAMPU MENJADI SUARA DUNIA KETIGA

KUALA LUMPUR, 19 Jan (Bernama) -- Asia mempunyai keupayaan untuk menjadi suara dunia ketiga yang menseimbangkan suara-suara Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam satu wawancara khas yang disiarkan menerusi NTV7 pada 8 malam ini, beliau berkata Asia perlu menempatkan dirinya sebagai satu wilayah yang dapat membantu membentuk dunia.

"Asia mempunyai keupayaan sungguhpun jika kita menysihkan jumlah penduduknya yang terlalu besar. Kita perlu mengambil kira hakikat bahawa banyak negara di Asia mencatatkan kemajuan yang sangat hebat," kata beliau.

Beliau berkata Jepun sudahpun merupakan sebuah negara maju, diikuti dengan China dan begitu juga India serta negara-negara Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata negara-negara membangun perlu bertanyakan diri mereka sendiri ke mana haluan mereka, apakah pilihan yang ada bagi mereka dan apa yang mereka perlu lakukan mengenainya.

Semasa mengulas mengenai suasana negara, Dr Mahathir berkata beliau merasakan Malaysia masih belum secara kukuh menempatkan dirinya sebagai sebuah negara maju meskipun dilihat sudah mencapai status maju oleh masyarakat global.

Beliau berkata masih terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan dan menentukan pembangunan Malaysia tersebar luas serta memastikan bahawa pertumbuhan tidak hanya di bandar-bandar sahaja tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar.

Sambil memberikan contoh, beliau berkata di kawasan-kawasan luar bandar, ladang-ladang sangat kecil dan tidak efisien serta menghalang pemiliknya daripada menggunakan teknologi baru bagi mempertingkatkan hasil tanaman dan pulangan kepada mereka.

Beliau berkata perkara itu perlu diubah secara menggabungkan pada tahap tertentu dan melatih rakyat tempatan untuk mengendalikan ladang-ladang sebagai perusahaan komersial agar mereka memperolehi lebih pendapatan.

Dr Mahathir berkata kepantasan bukanlah persoalannya tetapi yang penting ialah memahami perubahan yang sedang berlaku.

"Apabila masyarakat luar bandar datang ke bandar-bandar dan mendapati tiada pekerjaan yang sesuai untuk mereka, maka kesesakan akan wujud di bandar-bandar.

Kita boleh menanganinya menerusi dua cara iaitu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di bandar-bandar agar rakyat boleh hidup dengan lebih baik atau secara alternatifnya, kita boleh menjadikan kawasan-kawasan di luar bandar lebih menarik," kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata ia berkaitan dengan penyediaan infrastruktur yang baik seperti sistem perhubungan dan pengangkutan.

"Inilah yang kita sedang cuba lakukan. Pada masa kita tidak boleh membantu mereka datang ke bandar-bandar, kita perlu memastikan yang mereka mempunyai kelayakan apabila mereka datang.

Malah, jika mereka tinggal di luar bandar pun, mereka akan menikmati kehidupan yang baik," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MFZ MFZ ROS